



29 Disember 2017
29 December 2017
P.U. (A) 450

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(UBAH SUAIAN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984) 2017

*FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA
(MODIFICATION OF NATIONAL FORESTRY ACT 1984)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (UBAH SUAIAN
AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(4) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Ubah suaian Akta ke Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL**[Perenggan 2]**

(1) Peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984	(2) Ubah Suaian
Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata)	<p>... 1. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Menteri".</p> <p>2. Sebutan mengenai "tanah Kerajaan" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "tanah Persekutuan".</p> <p>3. Sebutan mengenai "Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Putrajaya".</p>
Seksyen 2	<p>... 1. Potong perkataan "atau jalan Negeri" daripada takrif "jalan hutan".</p> <p>2. Gantikan takrif "Pengarah" dengan takrif yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">"Pengarah" ertiannya Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan termasuklah Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya;</p> <p>3. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" dalam takrif "taksiran" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan".</p> <p>4. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" dalam takrif "tanda harta" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan".</p>
Seksyen 3	<p>... Gantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">"Pelantikan pegawai</p> <p>3. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melantik seorang Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan beberapa orang Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pegawai lain sebagaimana yang perlu.</p> <p>(2) Pelantikan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pegawai lain sebagaimana yang perlu hendaklah disiarkan dalam <i>Warta</i>".</p>

(1)
Peruntukan Akta
Perhutanan Negara 1984

(2)
Ubah Suaian

- | | |
|------------------------------|--|
| Seksyen 4 | ... 1. Sebutan mengenai "rancangan pengurusan hutan Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "rancangan pengurusan hutan Wilayah Persekutuan Putrajaya". |
| | 2. Sebutan mengenai "Jabatan Perhutanan Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Jabatan Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya". |
| | 3. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Kewangan Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Menteri". |
| Seksyen 5 | ... Sebutan mengenai "Penolong Pegawai Hutan Daerah" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya". |
| Seksyen 9 | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" yang terdapat buat kali kedua dan ketiga hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 10 | ... Perenggan (1)(k) adalah tidak terpakai. |
| Seksyen 14 | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 15 | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 17 | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Subseksyen 24(2) | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" yang terdapat buat kali pertama dan kedua hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Subseksyen 40(2A) | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Subperenggan
42(2)(d)(ii) | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |

(1)
Peruntukan Akta
Perhutanan Negara 1984

(2)

- | | |
|------------------|--|
| Seksyen 55 | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 56 | ... Gantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembangunan Perhutanan" (kemudian daripada ini disebut "Jawatankuasa") yang terdiri daripada—

(a) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perhutanan sebagai Pengerusi;

(b) wakil Perbendaharaan yang dilantik oleh Menteri; dan

(c) Pengarah." |
| Subseksyen 57(1) | ... 1. Gantikan perkataan "Dewan Undangan Negeri" dengan perkataan "Parlimen".

2. Potong perenggan (c).

3. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 58 | ... 1. Sebutan mengenai "rancangan pengurusan hutan Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "rancangan pengurusan hutan Wilayah Persekutuan Putrajaya".

2. Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |
| Seksyen 59 | ... Gantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan penyata dan pandangan yang diberi kepadanya di bawah subseksyen (3) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat". |
| Subseksyen 60(1) | ... Sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kerajaan Persekutuan". |